

28 JAN 1999

Mahathir-WEF

DR MAHATHIR MEMILIH KERETA API UNTUK KE DAVOS

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS (Switzerland), 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed memilih perjalanan dengan kereta api untuk sampai di sini bagi menghadiri Forum Ekonomi Sedunia (WEF) hari ini.

Selepas mendarat di Lapangan Terbang Zurich pada 6.15 pagi waktu Switzerland, Perdana Menteri dan rombongan dibawa dengan bas ke stesen kereta api Lanquart di luar Zurich.

Beliau tiba di stesen kereta api Davos-Dorf pada 10.02 pagi dan disambut oleh sekumpulan pegawai-pegawai Malaysia. Mereka termasuk Penasihat Bank Negara Datuk Mohamed Nor Yacob, Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Pengerusi MAI Holdings, Ananda Krishnan.

Selepas turun di stesen Davos-Dorf, Dr Mahathir tidak menggunakan perkhidmatan limosin tetapi memilih untuk berjalan melintas salji yang meliputi jalan raya ke Hotel Fluela, yang mana beliau akan menginap untuk tiga hari akan datang.

Hari pertama beliau di sini tidak begitu sibuk dengan beliau dijangka menghadiri jamuan yang dianjurkan oleh Azizan.

Sebelum ucapan makan tengah hari di WEF esok, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Tony Reis, ketua pegawai eksekutif Swisscom International, sebuah firma telekomunikasi Switzerland yang mempunyai usaha sama dengan Digi Communications di Malaysia.

Tema ucap utama beliau di WEF ialah "Malaysia -- bangkit kembali daripada saat-saat getir" dan sudahpun ada banyak minat dengan ceramah beliau itu.

Orang-orang kenamaan lain yang menghadiri WEF ialah Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan, Presiden Mesir Hosni Mubarak, Canselor Jerman Gerhard Schroder, Naib Presiden Amerika Al Gore, Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong Tung Chee Hwa, Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, Timbalan Perdana Menteri Thailand, Supachai Panitchpakdi dan Menteri Luar Australia Alexander Downer.

Tengah hari esok, Dr Mahathir akan menghadiri sesi percambahan minda WEF yang dijangka membincangkan laluan yang akan diharungi oleh Malaysia.

Pada Sabtu, Perdana Menteri akan menyertai majlis sarapan pagi bersama ahli-ahli bank Swiss, pengurus-pengurus tabung dan ahli-ahli perniagaan.

Beliau dijangka menemui beberapa pegawai kerajaan asing untuk perbincangan dua hala.

Perdana Menteri akan pulang ke Kuala Lumpur pada Ahad dan dijangka tiba di lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) 8 pagi Isnin.

-- BERNAMA

SHY MFJ PR